Bab 6. Cabaran selepas Pembentukan Malaysia

Bahagian A [Soalan Objektif]

1. Apakah cabaran dalaman negara selepas pembentukan Malaysia?
   A. Kepelbagaian adat resam
   B. Pembangunan luar bandar terhad
   C. Ketidakseimbangan pembangunan
   D. Pertumbuhan parti politik

2. Apakah cabaran kerajaan untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan Sarawak dan Sabah?
   A. Ancaman haiwan liar
   B. Teknologi yang rendah
   C. Saiz negeri yang besar
   D. Terdapat banyak sungai

3. Apakah tuntutan Lee Kuan Yew dalam kempen berikut?

Malaysian Malaysia

   A. Pembatalan institusi beraja
   B. Pengenalan sistem republik
   C. Persamaan hak antara kaum
   D. Perubahan bentuk pentadbiran

Tahun	Peristiwa
5 Ogos 1952	Serangan komunis terhadap orang awam

4. Jadual berikut menunjukkan serangan terawal komunis di Sarawak.
   Apakah lokasi serangan tersebut?
   A. Bukit Lambir, Miri
   B. Sambas, Santubong
   C. Batu Kitang, Kuching
   D. Bawang Assan, Kuching

5. Apakah faktor ekonomi sebagai pemisahan Singapura daripada Malaysia
   I. Penambahan kadar cukai
   II. Pembinaan pelabuhan bebas
   III. Pembukaan pasaran bersama
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

6. Apakah persamaan antara kedua-dua kaedah berikut

• Operasi Hammer • Rancangan Briggs

   A. Mengadakan lawatan
   B. Memenangi hati rakyat
   C. Memberi pengampunan
   D. Menyerang secara gerila

7. Rancangan Malaysia Pertama diperkenalkan untuk menangani isu pembangunan ekonomi negara.
   Apakah isu tersebut?
   A. Serangan wabak penyakit
   B. Kadar kemiskinan bertambah
   C. Kekurangan kemudahan asas
   D. Pendapatan penduduk rendah

8. Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu kebergantungan pada eksport getah dan biji timah bagi membangunkan ekonomi negara?
   I. Mencari pasaran baharu
   II. Memajukan industri pemprosesan
   III. Menyediakan teknologi moden kepada petani
   IV. Menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

9. Apakah faktor utama tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?
   A. Provokasi daripada British
   B. Propaganda tentera Jepun
   C. Pilihan Raya Umum Ketiga
   D. Kemelesetan ekonomi dunia

LIVEWORKSHEETS

10. Mangsa rusuhan kaum telah dipindahkan ke pusat perlindungan.
Apakah pusat tersebut?
A. Masjid Negara
B. Stadium Merdeka
C. Dataran Merdeka
D. Bangunan Sultan Abdul Samad

LIVEWORKSHEETS